

12/01/1998

JBPM wajar hantar pegawai berkursus

Abdul Malik Ibrahim

SAYA merujuk kepada surat 'Pegawai Ingin Tahu, Melaka' bertajuk: Pegawai bomba sibuk kuliah (22 Disember 1997) dan 'Ingin penjelasan', Kuala Kubu Baru bertajuk 'Pegawai bomba tiada di pejabat'. (1 Januari 1998).

Ekoran daripada surat itu saya mendapatkan penjelasan daripada pihak pengurusan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Seramai 21 orang pegawai kanan bomba terpilih untuk menyertai Program Ijazah Sarjana Sains (Emergency Planning And Response) di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Di antara mereka ialah dua timbalan ketua pengarah, beberapa orang penolong ketua pengarah, komandan Pusat Latihan Bomba Malaysia dan pegawai kanan lainnya. Oleh kerana program ini julung kali diadakan di UPM, kehadiran mereka bolehlah dianggap sebagai perintis kepada program/kursus ini.

Saya difahamkan, bahawa mereka yang menghadiri kursus itu dikehendaki mengambil cuti rehat pada hari mereka dikehendaki menghadiri kuliah di UPM. Pihak UPM juga memendekkan jangka kursus sekali gus menjadikan kerja kursus begitu ketat dan padat.

Mengenai yuran pengajian pula, setiap peserta dikehendaki membayar tidak kurang daripada RM8,000 berbanding RM50,000 jika kursus yang sama dibuat di Amerika Syarikat atau United Kingdom.

Sehubungan itu tidak boleh dinafikan kursus itu selaras dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kita mengurangkan penghantaran pelajar peserta kursus ke luar negara.

Kesatuan Pekerja-Pekerja Perkhidmatan Bomba Semenanjung Malaysia (KPPBSM) menyokong penuh langkah JBPM menghantar pegawainya berkursus di UPM dan menjadi hasrat kesatuan supaya anggota dan pegawai diberi kursus yang mencukupi seiring dengan misi dan visi JPBM, sekali gus mencerminkan ketelusan jabatan meningkatkan ilmu pegawainya.

Saya juga kurang jelas mengenai apakah yang diinginkan oleh 'Pegawai Ingin Tahu Melaka' dan 'Ingin Penjelasan Kuala Kubu Baru' dalam isu ini; adakah sebarang kepentingan peribadi dalam hubungan ini?

Mereka bukanlah kliental jabatan yang tidak berpuas hati dengan perkhidmatan anggota dan pegawai jabatan ini. Persoalannya sekarang mereka lebih mirip kepada ingin menjatuhkan imej JPBM di mata umum.

Kepada 'Pegawai Ingin Tahu Melaka' dan 'Ingin Penjelasan, Kuala Kubu Baru' saya mencadangkan supaya mereka bersikap terbuka dan menemui Profesor Dauko' Ketua Pengarah bagi mendapatkan penjelasan sebelum mendedahkannya di dada akhbar.